

STRATEGI MENJAWAB KERTAS 2 SPM BAHASA MELAYU



**BENTUK DAN TEKNIK MENJAWAB
SOALAN 1: RUMUSAN DAN SOALAN
2 (a): PETIKAN UMUM**

CONTOH SOALAN:

Soalan 1: Rumusan
[30 markah]

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **cara-cara menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam dan kepentingannya kepada negara**. Panjangnya rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.*

Kerajaan telah berusaha menyediakan prasarana yang mencukupi untuk memastikan sistem pengangkutan awam berjalan lancar. Namun begitu, orang ramai masih tidak menggunakan pengangkutan awam yang disediakan. Lantaran itu, langkah-langkah yang proaktif dan drastik hendaklah diimplementasi untuk menggalakkan rakyat menggunakan pengangkutan awam. Langkah yang dapat menarik perhatian rakyat untuk menggunakan pengangkutan awam ialah meningkatkan kuantiti dan kualiti pengangkutan awam. Bilangan kereta api atau bas awam haruslah dipertingkatkan jumlahnya bagi memenuhi kehendak rakyat serta mengatasi masalah kekurangan pengangkutan awam di sesetengah tempat. Kekerapan pengangkutan awam adalah salah satu unsur untuk menarik perhatian penumpang terutamanya mereka yang memandu kereta atau menunggang motosikal. Dengan kekerapan perjalanan pengangkutan awam yang tinggi, penumpang tidak akan membazirkan masa untuk menunggu ketibaan pengangkutan awam tersebut.

Pada masa yang sama, langkah kerajaan menggalakkan pemasangan televisyen di dalam bas ekspres mendapat banyak komen yang baik daripada orang ramai. Para penumpang berpeluang untuk menonton pelbagai siaran televisyen ketika berada dalam perjalanan mereka dan menjadikan perjalanan lebih menarik. Perkara ini haruslah diperluaskan dalam pengangkutan awam yang lain seperti Komuter dan LRT untuk menarik lebih banyak penumpang menaiki pengangkutan awam. Kemudahan seperti alat pendingin udara juga perlu dipertingkatkan bagi menjadikan penumpang berasa lebih selesa apabila menaiki pengangkutan tersebut. Kemudahan-kemudahan sampingan seperti ini pasti akan dapat meningkatkan bilangan penumpang pengangkutan awam kerana orang ramai boleh mendapatkan perkhidmatan yang berkualiti dengan bayaran yang minimum.

Kerajaan juga perlu lebih kerap mengadakan pemeriksaan bagi memastikan pemandu pengangkutan awam benar-benar berkelayakan atau bebas daripada sebarang penyalahgunaan dadah. Tindakan kerajaan menyenaraihitamkan pemandu yang kurang berdisiplin akan dapat mengatasi masalah pekerja pengangkutan awam yang tidak bersopan. Pemeriksaan oleh pihak berwajib seperti Jabatan Pengangkutan Jalan atau pihak polis juga perlu menyeluruh bukan sahaja kepada kakitangan pengangkutan awam tetapi perlu juga melihat pada keadaan dan keselamatan pengangkutan awam yang digunakan bagi memastikan keselamatan pengguna pengangkutan tersebut terjamin. Dengan cara itu, keyakinan orang ramai untuk menggunakan pengangkutan awam di negara kita akan meningkat.

Di kawasan stesen komuter atau LRT umpamanya, tempat meletakkan kenderaan perlu ditambah bagi mengelakkan orang ramai meletak kenderaan mereka di tepi-tepi jalan atau di tempat lain yang tidak sesuai. Hal ini sentiasa menjadi rungutan orang ramai kerana bukan sahaja boleh mengakibatkan kesesakan malah pada masa yang sama turut menjadi punca berlakunya kemalangan jalan raya. Begitu juga halnya dengan pengangkutan tambahan atau “bas fider” yang dikatakan menjadi masalah kepada pengguna komuter dan LRT. Kekurangan pengangkutan bas tambahan ini telah menyukarkan pengguna pengangkutan tersebut jika kawasan stesen tersebut jauh dari pejabat. Justeru adalah penting sekiranya bas-bas tambahan ditambah bilangannya bagi memudahkan dan mempercepat perjalanan seseorang dari rumah ke destinasi yang dituju. Jarak atau lokasi pengangkutan awam seperti komuter dan LRT juga perlu ditambah dari semasa ke semasa agar lingkungan pengguna yang dapat menaiki kemudahan awam tersebut turut meningkat.

Kesimpulannya, pengangkutan awam banyak *membawa kemaslahatan* kepada masyarakat di negara kita seperti dapat mengurangkan kesesakan dan kemalangan, mengurangkan pencemaran udara, menjimatkan masa malah mengurangkan kos kehidupan kita sehari-hari. Oleh itu, sebagai pengguna jalan raya yang bijak, kita perlulah menyahut seruan kerajaan agar menggunakan pengangkutan awam sebagai kaedah untuk bergerak dari satu destinasi ke satu destinasi yang lain.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada Utusan Malaysia, 18 Mac 2010)

STRATEGI MENJAWAB SOALAN RUMUSAN

A. Langkah 1 – Menulis Pendahuluan (2 markah)

1. Baca soalan yang diberikan dengan teliti. Kenal pasti fokus soalan yang terdapat dalam arahan soalan yang diberikan.
2. Arahan soalan (rujuk soalan contoh di atas).
*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **cara-cara menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam (FOKUS 1)** dan **kepentingannya kepada negara(FOKUS 2)** Panjangnya rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.*
3. Beri perhatian kepada FOKUS 1 untuk membina pendahuluan rumusan anda. Cuba dapatkan perkataan sinonim atau kata seerti dengan kata pertama dalam FOKUS 1 ini. Rujuk jadual di bawah untuk mendapatkan perkataan sinonim untuk kata kunci FOKUS 1:

BIL	FOKUS 1 (ISI TERSURAT)	PERKATAAN SEERTI (SINONIM) - PENDAHULUAN
1	tanggungjawab	peranan / sumbangan / tugas / fungsi
2	langkah-langkah	usaha-usaha / cara-cara / kaedah-kaedah / pendekatan / teknik-teknik / strategi / tindakan / modus operandi
3	kepentingan	faedah-faedah / manfaat / kelebihan / kebaikan
4	masalah	kekangan / kesulitan / kerumitan / hambatan
5	punca-punca	faktor-faktor / sebab-sebab
6	kesan-kesan	implikasi / impak / akibat / keburukan / natijah
7	ciri-ciri	sifat-sifat, unsur-unsur, fitur-fitur, tanda-tanda

4. Tulislah pendahuluan anda pada perenggan pertama, satu ayat sahaja. Mulakan dengan frasa berikutnya. Contohnya:
Kata Kunci FOKUS 1 : cara-cara
Kaedah menulis pendahuluan: Petikan ini membincangkan + usaha-usaha/langkah-langkah/kaedah-kaedah/pendekatan/ teknik-teknik / strategi / tindakan / modus operandi + menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam + di negara ini/ di Malaysia / di negara kita.

*Contoh pendahuluan lengkap: **Petikan ini membincangkan usaha-usaha menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam di negara ini.***

B. Langkah 2 – Menulis isi tersurat. (4 - 12 markah)

1. Baca petikan yang diberikan sepintas lalu.
2. Baca petikan untuk kali yang kedua sambil mengenal pasti isi-isi tersurat berdasarkan FOKUS 1 .
3. Kenal pasti dan tandakan sebanyak mungkin isi tersurat yang terdapat dalam petikan. Tinggalkan huraian dan contoh. Biasanya terdapat antara 8 hingga 10 isi tersurat dalam petikan yang diberikan.
4. Pilih 6 isi tersurat yang anda begitu yakin.
5. Pastikan ayat-ayat yang anda garisi itu mengandungi subjek dan predikat (ayat yang lengkap).
6. Tulis isi-isi tersurat tersebut dalam perenggan yang kedua.
7. Jumlah maksimum isi tersurat ialah 6 isi. Oleh itu, anda tidak perlu memasukkan kesemua isi kerana jumlah perkataan yang terhad.
8. Anda perlu menulis **kata tugas** untuk FOKUS 1 dalam ayat pertama perenggan isi tersurat.
9. Contoh isi tersurat:

Cara-cara menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam ialah meningkatkan kuantiti dan kualiti pengangkutan awam. Kekurangan perjalanan pengangkutan awam yang tinggi diperlukan untuk menarik perhatian penumpang. Kerajaan perlu menggalakkan pemasangan televisyen di dalam bas ekspres. Kemudahan seperti alat pendingin udara perlu dipertingkatkan bagi menjadikan penumpang berasa lebih selesa apabila menaiki pengangkutan tersebut. Kerajaan pula perlu lebih kerap mengadakan pemeriksaan terhadap pemandu pengangkutan awam. Pihak berwajib perlu memastikan keadaan dan keselamatan pengangkutan awam yang digunakan pengguna terjamin.

C. Langkah 3 – Menulis isi tersirat (4 - 12 markah)

1. Isi tersirat dibina berdasarkan FOKUS 2 soalan. Isi ini tidak terdapat dalam petikan yang diberikan.
2. Contoh: FOKUS 2 dalam soalan yang diberikan ialah: **Kepentingan pengangkutan awam kepada negara.**
3. Binalah perenggan isi tersirat dengan memasukkan sekurang-kurangnya 2 isi tersirat.
4. Kata tugas untuk FOKUS 2 perlu dimasukkan dalam ayat pertama perenggan isi tersirat.

5. Contoh perenggan isi tersirat:

Antara kepentingan pengangkutan awam kepada negara ialah dapat mengurangkan kesesakan di jalan raya. Sektor ini juga dapat mewujudkan banyak peluang pekerjaan kepada rakyat.

D. Langkah 4 – Menulis Kesimpulan/Penutup. (2 markah).

1. Kaji semula fokus soalan sama ada FOKUS 1 atau FOKUS 2 .
2. Kesimpulan rumusan hendaklah berdasarkan fokus soalan tersebut.
3. Kesimpulan merupakan cadangan/harapan anda terhadap fokus tersebut berserta kesan atau akibat cadangan/harapan yang anda berikan.
4. Anda juga perlu menghubungkan cadangan/harapan dengan kesan/akibat daripada cadangan/harapan tersebut dengan menggunakan kata hubung agar/supaya/demi.
5. Gunakan penanda wacana atau rangkaian kata yang menunjukkan bahawa ayat tersebut merupakan ayat kesimpulan.
Contohnya: Kesimpulannya,... Konklusinya,....
6. Contoh kesimpulan lengkap:

Kesimpulannya, pihak kerajaan perlu meningkatkan kemudahan pengangkutan awam agar dapat digunakan oleh rakyat.

E. Formula Menulis Rumusan Lengkap

Petikan membincangkan (sinonim kata kunci) + frasa berikutnya (fokus 1) + elemen kedua.

Kata tugas fokus 1 + S1..... S2
.....
S3.....
S4.....
S5.....S6.....
.....
Antara + Fokus 2 +
T1.....
T2.....

Kesimpulannya, Pihak sasaran + mestilah/haruslah + menyokong/
membangkitkan/ menangani + isu dalam Fokus 1 + supaya/agar + kesan / akibat.

F. CONTOH JAWAPAN LENGKAP RUMUSAN:

Petikan ini membincangkan usaha-usaha menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam di negara ini.

Cara-cara menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam ialah meningkatkan kuantiti dan kualiti pengangkutan awam. Ke kerapn perjalanan pengangkutan awam yang tinggi diperlukan untuk menarik perhatian penumpang. Kerajaan perlu menggalakkan pemasangan televisyen di dalam bas ekspres. Kemudahan seperti alat pendingin udara perlu dipertingkatkan bagi menjadikan penumpang berasa lebih selesa apabila menaiki pengangkutan tersebut. Kerajaan pula perlu lebih kerap mengadakan pemeriksaan terhadap pemandu pengangkutan awam. Pihak berwajib perlu memastikan keadaan dan keselamatan pengangkutan awam yang digunakan pengguna terjamin.

Antara kepentingan pengangkutan awam kepada negara ialah dapat mengurangkan kesesakan di jalan raya. Sektor ini juga dapat mewujudkan banyak peluang pekerjaan kepada rakyat.

Kesimpulannya, pihak kerajaan perlu meningkatkan kemudahan pengangkutan awam agar dapat digunakan oleh rakyat.

(120 patah perkataan)

G BAHASA (10 MARKAH)

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah ini:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 - 20 15 – 17	9 - 10 7 – 9	<ul style="list-style-type: none">● Kesyinambungan isi baik.● Struktur ayat/tatabahasa baik● Kosa kata luas● Tanda baca/ejaan betul
Sederhana	12 - 14 8 – 11	6 - 7 4 - 6	<ul style="list-style-type: none">● Kesyinambungan isi masih baik.● Struktur ayat/ tatabahasa masih memuaskan● Kosa kata masih memuaskan● Tanda bacaan /ejaan juga memuaskan.
Lemah	1- 7	1 - 4	<ul style="list-style-type: none">● Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/ tidak memuaskan.

Nota:

1. Markah bahasa biasanya separuh daripada markah isi.
2. Jika calon menyalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, walaupun jumlah perkataannya kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa 0 markah.
3. Jika bahasa agak baik, tambah 1 markah dan jika bahasanya tidak baik, tolak 1 markah.
4. Rumusan yang kurang 120 patah perkataan, markah tidak ditolak.

5. Jika menulis rumusan melebihi 120 patah perkataan, rumusan akan dinilai setakat 120 patah perkataan sahaja. Jumlah perkataan selebihnya tidak akan disemak.
6. Panduan pengiraan perkataan.
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:
 - a. Nama khas
 - b. Perkataan berulang
 - c. Penggunaan kata sendi di dan ke
 - d. Tarikh
 - e. Angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - f. Gelaran.

PANDUAN MENJAWAB SOALAN 2 (a) : PETIKAN UMUM

A. UMUM

1. Soalan bahagian ini merupakan Soalan 2 (a) untuk kertas 2.
2. Soalan merujuk kepada petikan rumusan (Soalan 1)
3. Bahagian ini akan diajukan 3 soalan yang bernilai 9 markah.

B. MENGANALISIS SOALAN

1. Baca soalan dengan teliti untuk mendapat gambaran akan kehendak soalan.
2. Soalan terbahagi kepada tiga iaitu:
 - a. Menjawab soalan rangkai kata (2 markah)
 - b. Menjawab soalan pemahaman petikan. (3 markah)
 - c. Soalan Kemahiran Berfikir (4 markah)
3. Jawapan perlu menggunakan ayat yang lengkap.
4. Untuk soalan (ii) jawapan perlu diambil daripada petikan. Anda perlu menggunakan ayat sendiri dan bukannya menyalin bulat-bulat daripada petikan.
5. Pastikan jumlah markah yang diberikan. Jika soalan itu tiga markah, anda dicadangkan agar memberikan 3 isi.

PRAKTIS 1
Soalan 1 : Rumusan
[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang langkah pencegahan kes-kes kekejaman terhadap kanak-kanak dan manfaatnya. Panjangnya rumusan tidak melebihi 120 patah perkataan.

Sekali lagi rakyat Malaysia dikejutkan dengan *kejadian menyayat hati* yang membabitkan pembunuhan kanak-kanak. Pembunuhan kejam ini meninggalkan kesan yang mendalam kerana negara kita baru saja diumumkan sebagai negara aman yang ke-19 di dunia. Paling sadis jenayah disabitkan oleh perlakuan individu yang bermasalah jiwa dan mental serta tidak boleh dikenal pasti kerana individu ini kelihatan normal dan hidup bebas dalam masyarakat. Berdasarkan kajian, kes jenayah kanak-kanak juga boleh berlaku di mana-mana sahaja dan tingkah laku pelakunya sukar dijangkakan kerana tidak semua kes mempunyai corak perlakuan jenayah yang sama. Kes ini juga boleh dikaitkan dengan individu pedofilia yang mengalami gangguan psikoseksual.

Walau bagaimanapun, ibu bapalah yang perlu bertanggungjawab terhadap keselamatan anak-anak. Kebanyakan kes jenayah yang terjadi disebabkan kealpaan ibu bapa yang membenarkan kanak-kanak ini bersendirian. Sebenarnya, ibu bapa kepada kanak-kanak yang berusia bawah tujuh tahun secara sengaja mendedahkan anak mereka kepada kemungkinan diculik atau dilarikan, boleh dikenakan hukuman mengikut seksyen 31, Akta Kanak-kanak 2001. Seksyen 33 pula menyatakan adalah menjadi kesalahan jika ibu bapa atau penjaga membiarkan anak mereka tanpa pengawasan orang dewasa atau meninggalkan anak untuk satu tempoh yang tidak munasabah atau membiarkan mereka dalam keadaan tidak munasabah.

Ibu bapa harus mengajar anak supaya mempunyai sifat curiga kepada orang yang tidak dikenali dan mengehadkan sempadan kehadiran orang yang tidak 'diiktiraf' sebagai saudara mara atau sahabat keluarga. Kanak-kanak di bawah umur pula seharusnya sentiasa berada di bawah pengawasan keluarga. Kanak-kanak tidak seharusnya dibiarkan keluar bersendirian tanpa ditemani oleh ahli keluarga. Jangan sudah terhantuk, baru tengadah. Kesilapan sedetik ini akan menyebabkan penderitaan sepanjang hayat. Walaupun pesanan seperti ini sentiasa disampaikan, masih ada lagi ibu bapa yang beranggapan tiada salahnya membenarkan anak kecil berada di luar rumah kerana mereka sudah biasa dengan persekitaran kawasan tempat tinggal. Ibu bapa perlu mencari titik keseimbangan bagi memastikan masa berkualiti dapat diberikan kepada anak-anak. Ibu bapa juga perlu sedar bahawa anak-anak juga berhak untuk bersama-sama mereka. Jangan mengawasi anak-anak hanya secara bermusim. Sebagai contoh, ketika berlaku kes kehilangan kanak-kanak seperti Nurin Jazlin Jazmin dan Dirang barulah ibu bapa sibuk memastikan keselamatan anak mereka terjamin. Selepas seketika, ingatan terhadap kejadian kanak-kanak hilang, dibunuh dan dibakar semakin terhakis. Ibu bapa kembali bersikap sambalewa.

Harus menjadi ingatan, kejadian jenayah akan berlaku apabila wujud peluang yang luas untuk penjenayah bertindak. Penjenayah tidak seharusnya diberikan ruang dan peluang seperti ini. Peranan ibu bapa sangat penting dalam memastikan persekitaran anak sentiasa selamat. Ibu bapa merupakan benteng pertama dalam memastikan kehidupan anak terjamin. Semoga kisah arwah Nurul Nadirah Abdullah menjadi pengajaran yang berguna kepada semua pihak.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada rencana *Jangan ambil mudah keselamatan anak di luar rumah* oleh Anuar Patho Rohman, Berita Harian Isnin 9 April 2012)

Soalan 2(a) Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *kejadian menyayat hati*. [2 markah]
- (ii) Mengapakah pelaku jenayah terhadap kanak-kanak sukar dikenal pasti? [3 markah]
- (iii) Berikan pendapat anda tentang peranan masyarakat dalam memerangi kes-kes kekejaman terhadap kanak-kanak. [4 markah]

PRAKTIS 2
Soalan 1 : Rumusan
[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang kelebihan makan bersama-sama dengan keluarga dan halangan untuk mengamalkannya. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Budaya makan bersama-sama dengan keluarga kini semakin kurang diamalkan. Meluangkan masa makan bersama-sama dengan keluarga sekurang-kurangnya sekali sehari memberikan kesan besar kepada *kesejahteraan minda* dan emosi anak-anak. Malangnya, anak-anak zaman sekarang makan tanpa mengikut waktu makan yang sepatutnya. Memang tidak dapat dinafikan bahawa amat sukar untuk mencari masa makan bersama, terutamanya pada waktu siang namun kita boleh berkumpul sekeluarga pada waktu makan malam.

Ketika makan bersama, ibu bapa dapat menunjukkan tabiat pemakanan yang baik supaya boleh menjadi teladan atau ikutan anak-anak. Hal ini termasuklah makan sayur, buah-buahan dan banyak minum air kosong. Kalau diperhatikan, adab ketika di meja makan kini semakin hilang, terutamanya dalam kalangan generasi muda. Anak-anak lebih gemar menikmati makanan ketika menonton televisyen. Jika menjamu selera di meja makan, ada anak-anak yang tergesa-gesa menghabiskan makanan kerana mahu menonton rancangan kegemaran ataupun bermain permainan komputer. Ketika inilah ibu bapa boleh menetapkan disiplin atau adab di meja makan. Adab-adab berkenaan, termasuklah mengajar anak-anak menyediakan hidangan, membasuh pinggan mangkuk, makan secara beradab, serta melatih mereka mengemas meja selepas makan.

Waktu makan ialah masa yang berkualiti, tenang dan menyeronokkan. Ketika makan, ibu bapa boleh berinteraksi dengan anak-anak. Antara topik yang boleh dibincangkan ialah peristiwa menarik di sekolah, perkara yang menggembirakan atau menyedihkan anak-anak atau rakan-rakan rapat mereka. Secara tidak langsung, ibu bapa juga dapat mengesan pergerakan harian anak-anak, terutamanya yang sudah masuk usia remaja. Kajian juga menunjukkan lebih kerap keluarga makan bersama, lebih rendahlah kemungkinan anak-anak untuk terbabit dalam gejala sosial seperti merokok, mengambil minuman keras, penyalahgunaan dadah, dan pergaulan bebas.

Ada kalanya anak-anak mempunyai pandangan negatif terhadap ibu bapa. Oleh yang demikian, ibu bapa boleh menjadikan masa makan sebagai masa yang terbaik untuk memuji anak-anak. Mereka boleh berterima kasih kepada perlakuan baik atau kerajinan mereka dalam membantu keluarga dan belajar. Perbincangan ketika masa makan juga dapat melatih anak-anak berfikir dan bertutur kerana perbualan panjang antara ibu bapa dengan anak-anak pasti berlaku. Tamsilnya, anak-anak dapat belajar perkataan baharu yang diperolehi ketika perbualan di meja makan. Selain itu, keakraban hubungan antara anggota keluarga akan terjalin. Keakraban hubungan ini memberikan kesan besar kepada kehidupan anak-anak dan akan mempengaruhi tabiat makan mereka. Tegasnya, makan bersama-sama dengan keluarga perlu menjadi amalan dalam masyarakat kita. Amalan ini mampu membentuk adab sopan anak-anak demi menjadikan mereka anggota masyarakat yang berhemah.

(Dipetik dan diubah suai daripada 'Amalan Makan Bersama', Harian Metro, 21 Mac 2012)

Soalan 2 (a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *kesejahteraan minda*. [2 markah]
- (ii) Apakah tabiat buruk yang diamalkan oleh anak-anak ketika makan? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah untuk menggalakkan amalan makan bersama-sama dengan keluarga? [4 markah]

BENTUK DAN TEKNIK MENJAWAB SOALAN PEMAHAMAN (2b)

BENTUK SOALAN

Soalan pemahaman prosa moden terdiri daripada genre cerpen atau genre drama yang memperuntukkan sembilan (9) markah keseluruhannya. Terdapat empat pecahan dalam soalan ini seperti yang berikut:

- Soalan (i): pemahaman berdasarkan isi dalam petikan
- Soalan (ii): soalan kemahiran berfikir
- Soalan (iii): soalan aspek sastera
- Soalan (iv) : soalan maksud rangkai kata.
-

TEKNIK MENJAWAB SOALAN

- Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**
- Jawapan hendaklah **dalam ayat yang sempurna/lengkap**.
- Peruntukan markah bagi setiap pecahan soalan **menggambarkan jumlah isi** yang dikehendaki.
- **Kesalahan bahasa dan ejaan** akan menjejaskan markah penuh setiap pecahan soalan.

CONTOH SOALAN DAN JAWAPAN

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Kehadiran Pak Husain menjadi jambatan kepada ingatanku untuk menyeberang bagi menemui detik-detik peristiwa yang berlaku lebih daripada tiga puluh tahun yang lalu.

Kakinya yang buntung, terkulai dalam kain sarungnya yang kelihatan singkat. Kaki kayunya sudah usang. Kepala kakinya sudah berjabu-jabu di bawah ketiaknyanya. Kalau tidaklah kerana parut yang memanjang di atas dahinya, yang separuh telah ditutup oleh semutar kain batik Kelantan, aku akan kehilangan wajahnya. Kehilangan itu akan membuatkan aku tidak melihat peristiwa sejarah tanah air. Kebisingan dan kehiruk-pikukan yang berbaur daripada ramainya orang yang menghadiri temasya kota (menyambut ulang tahun kemerdekaan), seolah-olah tidak masuk dalam telingaku. Tidak.

Wajah Pak Husain memanjat kepalaku. Menerkam dan menggigitku. Berlari-lari dalam ingatanku. Dia pahlawan yang tidak pernah difikirkannya bahawa dia telah menyelamatkan kami. Ketika dia tersiuk-siuk melangkah dengan tiga kakinya melewati orang ramai, dalam kumpulan yang lebih merupakan sampah sarap yang disongsong oleh pasang penuh, aku tepuk belakangnya. Pak Husain berhenti mendadak. Menikam wajahku dengan pandangannya yang berkaca-kaca. Aku menaburkan senyumanku. Kuduga ingatannya. Ingatkah ia?

“Kau, kau, Khalid?”

“Ya, Khalid,” kataku membenarkan dugaannya.

(Dipetik daripada cerpen ‘Pahlawan Buntung’ oleh S. Othman Kelantan dalam Antologi *Dirgahayu Bahasaku*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

(i) Siapakah Pak Husain berdasarkan petikan tersebut?

[2 markah]

Berdasarkan petikan ini, Pak Hussain ialah seorang yang berkaki buntung/kudung. Dia mempunyai parut yang memanjang pada dahinya. Pak Hussain seorang pahlawan yang mempunyai daya ingatan yang kuat.

(ii) Pada pendapat anda, bagaimanakah kerajaan dapat menghargai jasa dan pengorbanan pejuang tanah air?

[3 markah]

Pada pendapat saya, kerajaan dapat menghargai jasa dan pengorbanan pejuang tanah air melalui penganugerahan pingat kepada pejuang tanah air. Kerajaan juga memberikan bantuan perubatan percuma kepada golongan ini. Selain itu, tugu peringatan boleh dibina untuk mengabadikan jasa mereka kepada negara.

- (iii) Huraikan **satu** latar masyarakat yang terdapat dalam petikan di atas dan **satu** latar masyarakat yang lain daripada keseluruhan cerpen.

[4 markah]

Satu latar masyarakat dalam petikan ialah masyarakat yang menghargai orang yang berjasa kepada negara. Contohnya, Khalid mengingati Pak Husain dengan menegur Pak Husain walaupun sudah lebih tiga puluh tahun tidak berjumpa.

Satu latar masyarakat dalam keseluruhan cerpen ialah masyarakat yang berani menghadapi cabaran. Contohnya, Pak Husain berani menyelamatkan diri daripada tentera Jepun dengan tipu muslihatnya semasa menggali kubur .

PRAKTIS 1

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

SALMAH: Mengapa memilih Malaysia?

MU II : Malaysia kami pilih kerana mempunyai beberapa potensi yang boleh dimajukan untuk dijadikan sebagai sebuah negara model dunia dalam menegakkan keamanan dan peningkatan moral sejagat.

CHANDRAN: Terima kasih atas penghormatan itu. Cuma satu saja yang saya ragu. Perkataan potensi yang saudara sebutkan itu membawa implikasi bahawa negara kami belum lagi mencapai taraf prestasi yang boleh dibanggakan sebagai sebuah negara membangun. Sedangkan kami rasa setiap keadaan dalam negara ini adalah terkawal dan membanggakan.

MU I: Itu perasaan saja. Hakikatnya belum cukup memuaskan sepenuhnya untuk dijadikan sebagai sebuah negara model.

CHONG: Kami rasa, kami sudah mempunyai kualiti-kualiti yang mencukupi sebagai sebagai sebuah negara model yang saudara sebutkan itu. Kami punyai satu bahasa kebangsaan sebagai bahasa perantaraan untuk tujuan integrasi nasional.

SALMAH: Kami punyai satu agama rasmi, sementara agama-agama lain dibenar untuk dipraktikkan.

CHANDRAN: Kami juga mempunyai satu kebudayaan nasional, yang mewakili seluruh cara hidup bangsa Malaysia.

(Dipetik daripada drama 'Forum Remaja 2020' oleh Syarif Shaary dalam antologi *Harga Remaja*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Mengapakah Salmah, Chandran, dan Chong begitu yakin bahawa Malaysia mampu untuk menjadi sebuah negara model?
[2 markah]
- (ii) Pada pandangan anda, selain untuk mewujudkan integrasi nasional, apakah kepentingan bahasa kebangsaan dalam masyarakat berbilang kaum?
[3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** persoalan yang terdapat dalam petikan dan **satu** persoalan lain yang terdapat dalam keseluruhan drama.
[4 markah]

PRAKTIS 2

Soalan 2 (b) - Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Kucintai Sungai Ceper sama seperti kucintai ibu. Ia bermula dari satu titik air dan kemudian berkembang menjadi besar dan akhirnya membentuk dirinya sebagai sebuah sungai yang panjang berliku-liku membawa kejernihan yang benar-benar sejahtera dengan arus yang kuat mendukung ketenteraman. Pasir-pasir yang berbiji halus, batu-batu kerikil yang berkilat mengalir di bawah bersama ikan yang cergas.

Saling tidak tumpah seperti ibu yang rancak ke sana rancak ke sini seperti air terjun. Ibu tidak boleh tinggal diam sepanjang hari, sama seperti air Sungai Ceper yang bergerak bersama ikan: menampar tebing yang berselekeh, memasuki lubuk-lubuk yang dalam.

Ibu juga bergerak di mana sahaja dia berada. Kalau di baruh, ibulah yang menajak dan menyisir selut. Ibulah yang pikul gemal dan tanam benih-benih itu dengan tulang empat kerat ibu yang tidak pernah tidak bermaya itu. Kelak ibulah yang mengejar burung apabila padi menguning. Dan ibu jugalah yang menuai apabila padi masak sampai habis gemal-gemal itu dijunjung masuk jelapang.

Ceper pun serupa. Ia memancutkan airnya begitu deras bagaikan anak panah yang baru sahaja lepas dari busurnya. Dan pancutan itu menebuk tebing hingga mencipta lubuk yang dalam-dalam, menyusur dasar bersama ikan-ikan yang bercahaya matanya, bersama anak-anak dan bapa-bapa udang, bersama lumut yang lembut kehijau-hijauan dan bercahaya seperti manik-manik dipanah cahaya lampu.

(Dipetik daripada cerpen 'Ibu dan Ceper' oleh Shahnnon Ahmad dalam antologi *Harga Remaja*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan bukti-bukti yang menunjukkan kesibukan ibu dalam petikan di atas. [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah cara-cara yang boleh dilakukan untuk menunjukkan kasih sayang anak terhadap ibu. Nyatakan **tiga** cara tersebut. [3 markah]
- (iii) Nyatakan **satu** pengajaran dalam petikan cerpen di atas dan **dua** pengajaran lain daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

**BENTUK DAN TEKNIK MENJAWAB
SOALAN PEMAHAMAN (2c)**

BENTUK SOALAN

1. Soalan prosa tradisional dikemukakan dalam **Soalan 2(c)**
2. Pelajar wajib menjawab **semua** soalan yang dikemukakan
3. Markah yang diperuntukkan sebanyak **8 markah** .
4. Semua soalan berdasarkan salah satu daripada 8 tajuk prosa tradisional Tingkatan 4 dan 5 .
5. Satu petikan daripada salah satu teks di atas akan diberi.
6. Tiga soalan akan dikemukakan yang terdiri daripada:
 - ✓ Soalan memberikan maksud kata/frasa/ungkapan/ayat
 - ✓ Soalan pemahaman langsung terhadap kandungan petikan atau keseluruhan cerita.
 - ✓ Soalan pemahaman atau aplikasi yang berasaskan KBKK berdasarkan petikan prosa.
7. Lazimnya soalan maksud dan pemahaman langsung terhadap kandungan teks berasaskan kata tanya berikut:
 - ✓ Apa..
 - ✓ Siapa...
 - ✓ Di mana...
 - ✓ Mengapa/Kenapa...
 - ✓ Bagaimana...Ataupun menggunakan arahan berikut:
 - ✓ Jelaskan...
 - ✓ Terangkan...
 - ✓ Huraikan secara ringkas...
 - ✓ Gambarkan...
8. Soalan pemahaman/ aplikasi berasaskan KBKK:
 - ✓ Pada pendapat anda...
 - ✓ Pada pandangan anda...
 - ✓ Sekiranya anda/ Andaikan anda...
 - ✓ Jika anda...
 - ✓ Mengikut pemahaman anda...

CONTOH SOALAN DAN JAWAPAN

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Alkisah, maka tersebutlah perkataan Raja Kedah berkelahi dengan saudaranya di dalam negeri Kedah. Kemudian saudaranya yang tua Raja Kedah itu berkirim surat pula menyilakan Opu Daeng yang berlima bersaudara, silakan ke Kedah.

Maka tiada berapa antara maka muafakatliah Opu Daeng yang berlima bersaudara itu. Maka bersiaplah masing-masing dengan kelengkapannya serta dengan kenaikannya sebuah seorang.

Maka sampai waktu ketika yang baik, maka dilangkahakan dengan langkah *rijalul ghaib*. Maka belayarliah ke negeri Kedah. Serta sampai dipanggil oleh Yang Amtuan Raja Kedah masuk ke dalam kota. Maka berjumpalah dengan Yang Amtuan Kedah. Maka berjamu-jamulah santap nasi. Telah sudah santap air panas, maka Raja Kedah pun berkhabarlah, "Minta tolong perang, kerana saya berkelahi dengan saudara saya sebab berebutkan kerajaan."

Khabar Raja Kedah, "Jikalau menang saya perang, saya berilah Opu Daeng yang berlima bersaudara, saya berilah seorang lima belas bahara."

Kemudian dijawab oleh Opu Daeng, "Khabar Raja Kedah itu, saya minta cap tandatangan, dan mana-mana sekalian orang dagang yang datang dari Timur ada di dalam negeri Kedah ini dan seperti Bugis dan Mengkasar dan Mandura semuanya itu diserahkan kepada saya perintahnya."

(Dipetik daripada "*Hikayat Opu Daeng Menambun*" dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Mengapakah Opu Daeng dan saudara-saudaranya diutus supaya datang ke Kedah oleh Raja Kedah?

[2 markah]

Opu Daeng dan saudara-saudaranya diutus supaya datang ke Kedah oleh Raja Kedah kerana Raja Kedah menjatuhkan/mengalahkan saudaranya supaya Raja Kedah dapat memerintah negeri Kedah

- (ii) Nyatakan perjanjian yang dibuat oleh kedua-dua belah pihak sekiranya Raja Kedah berjaya mencapai hasratnya untuk memerintah negeri Kedah.

[3 markah]

Perjanjian yang dibuat oleh kedua-dua belah pihak sekiranya Raja Kedah berjaya mencapai hasratnya untuk memerintah negeri Kedah ialah Raja Kedah berjanji akan memberikan Opu Daeng dan saudara-saudaranya lima belas bahara setiap seorang sekiranya berjaya dalam perebutan kuasa tersebut. Opu Daeng pula meminta agar orang dagang dari Timur seperti orang Bugis, Mengkasar dan Madura di bawah pemerintahannya.

- (iii) Pada pendapat anda, apakah kepentingan sesuatu perjanjian. Berikan **tiga** sebab.

[3 markah]

Tiga kepentingan sesuatu perjanjian ialah kedua-dua belah pihak maklum tentang janji yang telah dibuat. Mereka juga akan memperoleh ganjaran / pulangan sebagaimana yang ditetapkan dalam perjanjian. Perjanjian tidak mendatangkan perasaan tidak puas hati pada kemudian hari.

PRAKTIS 1

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Apabila jurumudi dan Mualim sudah sedia di depan Tuanku Nakhoda Tua, rnasuklah Tuan Puteri Dayang Seri Jawa dengan geramnya, "Ya, ayahanda, tua orang tua, berakal; makin tua makin berminyak, tetapi tua ayahanda tua cendawan makin tua makin busuk!"

Tuanku Nakhoda menjadi tersentak, "Hai anakku yang tidak tahu dek untung, mengapakah kau berkelakuan demikian ini di depan orang tua?"

"Kerana mata ayahanda sudah kabur dan telinga ayahanda sudah pekak, sebab itulah anakanda berkata demikian. Cubalah ayahanda lihat siapakah di dalam petak jubung yang dilingkari tali sauh itu?-

Tuanku Nakhoda Tua segera menjengah ke petak jubung. Dilihatnya ada seorang muda yang sangat tampan dengan wajahnya berseri-seri bagai purnama empat belas hari bulan. Baginda tertegun kaum lalu kembali bertanya kepada puterinya. "Hai anakanda, siapakah pemuda yang di dalam jubung itu?"

"Dialah budak hitam yang meminta tolong bayarkan hutangnya kepada ayahanda dulu, tetapi telah ayahanda nyahkan dia."

"Siapa namanya?"

"Itulah Awang Sulung Merah Muda, anak Tuanku Si Helang Laut, cucu kepada Tuanku Si Helang Mawai. Dialah yang sebenarnya *bertanggungjawab memelihara geliung* dan isinya selamanya ini. Sekarang marilah ayahanda lihat isi gellung kita ini, telah penuhlah dengan wang dinar emas pemberian bajak laut."

(Dipetik daripada 'Pelayaran yang Penuh Peristiwa' dalam antologi *Harga Remaja*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud *bertanggungjawab memelihara geliung*.

[2 markah]

- (ii) Siapakah Awang Sulung Merah Muda?

[3 markah]

- (iii) Pada pandangan anda, apakah yang harus dilakukan oleh warga tua untuk menjadikan hidupnya lebih bermakna?

[3 markah]

PRAKTIS 2

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah itu maka hari pun hampir siang. Maka Raja Indera Bumaya pun *mencita geliga* daripada Raja Johan Syahperi itu maka keluarlah empat orang lengkap dengan senjatanya. Maka titah Raja Indera Bumaya, " Hai saudaraku, pergilah tuan hamba perang dengan Raja Bahrum Dewa itu tetapi janganlah tuan hamba bunuh." Setelah demikian titah Raja Indera Bumaya maka jin empat orang itu pun lalu menyembah lalu turun berperang dengan rakyat Raja Bahrum Dewa itu.

Setelah seketika berperang maka rakyat Raja Bahrum Dewa pun pecahlah perangnya, banyak tertangkap. Ada yang lari masuk ke dalam kota kerana tiada tertahan lagi tangkap jin empat orang itu. Maka titah Raja Bahrum Dewa, "Sudahkah engkau tangkap? Apa mati laki-laki itu?" Maka sembah segala hulubalang yang lari itu, " Ya tuanku, tiadalah mati laki-laki itu. Maka hulubalang tuanku dua ratus yang lari, dua puluh orang hulubalang yang tertangkap orang itu. Maka patik dengar suaranya seorang juga maka segala rakyat beribu-ribu sekalian itu pun dilawannya juga."

Setelah baginda mendengar sembah segala hulubalang itu maka Raja Bahrum Dewa pun marah menyuruh memalu gendang mengumpulkan segala rakyat sekalian. Setelah sudah berkampung segala rakyat dan menteri hulubalang sekalian, maka titah Raja Bahrum Dewa, "Segeralah pergi tangkapkan beta laki-laki itu."

(Dipetik daripada cerita '*Hikayat Langlang Buana*', dalam Antologi Dirgahayu, Bahasaku, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Nyatakan maksud rangkai kata *mencita geliga*. [2 markah]
- (ii) Mengapakah Raja Bahrum Dewa murka? [3 markah]
- (iii) Sekiranya anda Raja Indera Bumaya, apakah langkah yang wajar anda ambil untuk mengelakkan peperangan? [3 markah]

BENTUK DAN TEKNIK MENJAWAB SOALAN PEMAHAMAN (2d)

BENTUK SOALAN

- Bertanyakan maksud baris /rangkap(bertumpu) ... Soalan i (2 markah)
- Pemahaman teks (bertumpu) ... Soalan i (2 – 3 markah)
(*mengenal pasti /mengesan jawapan dalam petikan*)
- Kemahiran berfikir (bercapah) ... Soalan ii (3 – 4 markah)
(*memberikan pandangan atau pendapat, alasan, menyatakan kewajaran dan sebagainya*)
- Elemen kajian KOMSAS (bertumpu) ... Soalan iii(3 – 4 markah)
(*menyatakan aspek sastera seperti tema, persoalan, gaya bahasa, nilai dan pengajaran daripada petikan dan keseluruhan puisi*)

TEKNIK MENJAWAB

- ✓ Jawapan menggunakan ayat sendiri
- ✓ Jawapan dengan ayat lengkap/gramatis
- ✓ Peruntukan markah bagi setiap ceraiian soalan menggambarkan jumlah isi yang diperlukan (Cth:3 markah = 3 isi), kecuali soalan memberi maksud.
- ✓ Pelajar boleh menyalin semula sebahagian daripada ayat-ayat dalam petikan sebagai jawapan (kaedah potong tampal)
- ✓ Bagi soalan kemahiran berfikir, jawapan mestilah logik dan relevan dengan kehendak soalan.
- ✓ Bagi soalan komsas yang menggunakan kata kunci soalan *jelaskan* atau *huraikan*, pelajar perlu memberikan contoh atau huraian ringkas.

CONTOH SOALAN DAN JAWAPAN

Baca gurindam di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri

Gurindam 12 Fasal yang Keenam

Cahari olehmu akan sahabat,
Yang boleh dijadikan ubat.

Cahari olehmu akan isteri,
Yang boleh menyerahkan diri.

Cahari olehmu akan guru,
Yang boleh tahukan tiap seteru.

Cahari olehmu akan kawan,
Pilih segala orang setiawan.

- (i) Nyatakan maksud 'Yang boleh menyerahkan diri'.

[2 markah]

Maksud rangkaian kata yang boleh menyerahkan diri ialah dapattaat / setia.

- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah kita perlu berhati-hati memilih sahabat? Berikan **tiga** alasan anda.

[3 markah]

Pada pendapat saya, kita perlu berhati-hati memilih sahabat supaya kita tidak terpengaruh melakukan perbuatan tidak baik, mendapat kawan yang ikhlas dan jujur dalam persahabatan, dan dapat meneladani sikap positif yang ditunjukkan kawan.

- (iii) Huraikan **dua** persoalan yang dikemukakan dalam gurindam.

[4 markah]

Dua persoalan yang dikemukakan dalam gurindam ialah pentingnya memilih sahabat dengan berhati-hati agar kita mendapat manfaat daripada persahabatan tersebut dan perlunya menuntut ilmu untuk memudahkan kita menghadapi permasalahan dalam hidup seharian.

PRAKTIS 1

Baca gurindam di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Gurindam Tonggak Dua Belas

Hendak pandai menghargai masa,
Jangan dinanti esok lusa.

Ketekunan akan membawa kejayaan,
Kegigihan bekerja dengan keupayaan.

Wajah ceria keseronokan bekerja,
Usah berduka bermuram durja.

Hidup dalam kemuliaan kesederhanaan,
Bertindak dengan penuh kebijaksanaan.

Ketinggian peribadi jadi amalan,
Ketelusan hati jadi bekalan.

Kekuatan sifat baik hati,
Bertimbang rasa dan bersimpati.

Pengaruh kepimpinan melalui teladan,

Baik buruk jadikan sempadan.

Menjadi kewajipan menjalan tugas,
Walaupun sederhana tetapi tegas.

Kebijaksanaan berhemat perlu diutama,
Tidak membazir teliti saksama.

Keutamaan kesabaran fikiran tenang,
Perkara susah menjadi senang.

Peningkatan bakat diberi sokongan,
Tunjukkan kebolehan jadikan dorongan.

Nikmat mencipta budaya kreatif,
Kembangkan bakat semoga aktif.

Mohd Sidek Mohd Dollah (Mas Adeki)
(Penyelenggara)
Antologi *Dirgahayu Bahasaku*, Dewan
Bahasa dan Pustaka

- (i) Berikan maksud **rangkap pertama** “Gurindam Tonggak Dua Belas”.
[2 markah]
- (ii) Sekiranya anda merupakan seorang pemimpin, apakah ciri-ciri kepemimpinan yang anda harap dapat diteladani oleh rakyat bawahan?
[3 markah]
- (iii) Nyatakan bentuk gurindam di atas.
[4 markah]

PRAKTIS 2

Baca seloka di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Seloka Si Luncai

Md. Ali Bachik (ILADAM) – Penyelenggara

Sikap Si Luncai, biarkan, biarkan ...

Ada rumah tidak dijaga,
Ada anak tidak dilatih,
Ada ternakan tidak dibela,
Ada kebun tidak ditanam,
Ada cerdik tidak selidik,
Ada belajar kepalang ajar,

Ada mengaji tiada mengkaji,
Ada mata tiada kuasa,
Ada kuat tiada buat,
Biarkan, biarkan ... !
Si Luncai pun terjun dengan labu-labunya.

Khazanah Puisi Klasik Melayu, 2003

Antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

*Ada kebun tidak ditanam,
Ada cerdik tidak selidik,
Ada belajar kepalang ajar,*

- (i) Berdasarkan baris seloka di atas, mengapakah pengarang menegur sikap Si Luncai?
[3 markah]
- (ii) Dalam seloka tersebut, pengarang ada mengemukakan persoalan kepentingan menuntut ilmu.
Pada pendapat anda, apakah kesan-kesannya jika seseorang itu tidak bersungguh-sungguh menuntut ilmu?
[3 markah]
- (iii) Nyatakan **dua** latar masyarakat yang terkandung dalam seloka ini.
[3 markah]

SOALAN 3 : PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN BAHASA

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa [30 markah]

JENIS SOALAN	MARKAH	MASA
3a. Binaan Ayat	6 markah	6 minit
3b. Sintaksis	6 markah	6 minit
3c. Kesalahan ejaan dan imbuhan	6 markah	6 minit
3d. Kesalahan kata / istilah dan bahasa	6 markah	6 minit
3e. Peribahasa	6 markah	6 minit

Soalan 3 (a) : MEMBINA AYAT

(a) Tulis **satu** ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda **tidak boleh** menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan frasa itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- Tidak perlu bina ayat yang terlalu panjang atau meleret (memadai 6 – 12 perkataan)
- Ayat yang dibina mesti menerangkan maksud kata yang diuji.
- Ayat yang dibina mesti betul tanda bacanya.
- Mesti membina satu ayat sahaja
- Boleh membina ayat dengan menggunakan struktur cakap ajuk dengan tanda baca yang betul.

Soalan 3 (b): SINTAKSIS

1. JENIS AYAT BM (ada 4 jenis)

- Ayat Penyata (menyatakan sesuatu) → Dia sedang membaca surat khabar
- Ayat tanya → Siapakah yang datang?
- Ayat Seruan (ada tanda seru). → Wah, cantiknya baju kamu!
- Ayat Perintah (ada 4 jenis : ayat silaan, ayat larangan, ayat suruhan, ayat permintaan)
 - Jangan membuang sampah ke dalam longkang. (Ayat Larangan)
 - Tolong belikan saya sebatang pensel. (Ayat Permintaan)
 - Jemputlah (Silalah) naik ke pentas. (Ayat Silaan)
 - Bawa buku-buku ini ke bilik guru. (Ayat Suruhan)

LATIHAN : Nyatakan jenis ayat di bawah ini.

- i. Mereka sedang berbincang di bilik mesyuarat.
.....
- ii. Sudahkah kamu membelikan ibu selendang itu?
.....
- iii. Eh, mahalnya ikan kembung ini!
- iv. Silalah datang ke rumah saya pada hari Sabtu ini..
.....

2. POLA AYAT BM – ada 4 pola

- i. FN + FN → Dia / adik saya
- ii. FN + FK → Kakak / sedang menjahit baju.
- iii. FN + FA → Rumah itu / sungguh cantik.
- iv. FN + FS → Saya / ke Kuala Lumpur semalam.

LATIHAN : Nyatakan pola ayat di bawah ini.

- i. Azfa Hanani anak yatim piatu. .
.....
- ii. Burung bayan sungguh bijaksana.
.....
- iii. Puteri Betung mangkat kerana suaminya, Merah Gajah telah membantun rambutnya yang keemasan.
.....
- iv. Amira Amir dan Jacinta ke Bukit Mat Raya dengan kereta api. ..
.....
- v. Cita-cita ibu untuk menjejakkan kaki ke tanah suci telah termakbul.
.....

3. Tukarkan ayat aktif di bawah ini kepada ayat pasif.

- i. (a) **Saya** telah memulangkan **buku itu** dua hari yang lalu.
Buku itu telah saya pulangkan dua hari yang lalu.
- ii. (b) **Kamu** telah memulangkan **buku itu** dua hari yang lalu.
Buku itu telah kamu pulangkan dua hari yang lalu.

*Ayat pasif Kata Ganti Nama Diri Pertama & Kata Nama Diri Kedua sama binaan ayatnya

- (c) **Mereka** telah memulangkan **buku itu** dua hari yang lalu.
Buku itu telah dipulangkan oleh mereka dua hari yang lalu.

Imbuhan ‘ter’ pada kata kerja boleh hadir dalam kata kerja aktif atau kata pasif. Struktur ayat kata ganti nama diri pertama, kedua dan ketiga adalah sama. Contohnya:

- i. **Kakak** terangkat batu yang besar itu. → Batu yang besar itu terangkat oleh kakak.
- ii. **Saya** terambil baju yang berwarna merah itu. → Baju yang berwarna merah itu terambil oleh saya.

LATIHAN: Tukarkan ayat aktif di bawah ini kepada ayat pasif

- i. Kamu harus membaharui pasport antarabangsa ibu hari ini.
.....
- ii. Guru disiplin memarahi murid yang berambut panjang itu kerana tidak mematuhi peraturan sekolah.
.....
- iii. Engkau harus menghantar borang permohonan itu selewat-lewatnya esok.
.....
- iv. Kita harus mempercayai kata-kata pemuda itu.
.....
- v. Pada ketika ini Industri automobil telah mengalami penguncupan.
.....

4. Tukarkan ayat biasa kepada ayat songsang.

Panduan: Kenal pasti subjek (1) , predikat (2)

- i. Dia ketawa terbahak-bahak.
Dia / ketawa terbahak-bahak
1 2

Ketawa terbahak-bahak / dia. (2 + 1)

- ii. Orang kaya itu berhijrah ke luar negara.
Panduan: Kenal pasti subjek (1) , predikat (2) dan predikat (3)

Orang kaya itu berhijrah ke luar negara.
1 2 3

Formula ayat biasa : 1+ 2+ 3

Formula ayat songsang : 2+3+1 / 3+1+2

3+2+1 / 2+1+3

- a. Berhijrah ke luar negara orang kaya itu. (2 + 3 +1)
- b. Ke luar negara orang tua itu berhijrah. (3 + 1 + 2)
- c. Ke luar negara berhijrah orang kaya itu. (3 + 2 + 1)
- d. Berhijrah orang kaya itu ke luar negara.(2 + 1 + 3)

LATIHAN : Menyongsangkan ayat.

- (i) Rakyat Malaysia masih kurang mempunyai kesedaran tentang pendermaan organ.
.....
- (ii) Usaha-usaha sebegini harus diteruskan bagi menyedarkan masyarakat.
.....
- (iii) Semua hospital kerajaan di seluruh negara mempunyai pusat transplan organ.
.....

- (iv) Uj merangkul bahu Um kuat-kuat.....
- (v) Peperangan yang berlaku menyebabkan kematian dan kemusnahan harta benda.
.....

5. Tukarkan ayat cakap ajuk kepada cakap pindah.

“Mengapakah kamu datang lewat hari ini?” tanya Encik Gopal kepada Musa.
 “Maafkan saya, Encik. Saya terpaksa membawa anak saya ke klinik,”kata Musa.
 “Oh, begitu! Saya maafkan,” kata Encik Gopal
 “ Terima kasih, Encik.”

- (i) “Mengapakah kamu datang lewat hari ini?” tanya Encik Gopal kepada Musa.
- (ii) “Maafkan saya, Encik. Saya terpaksa membawa anak saya ke klinik,”kata Musa.
 - a. *Musa meminta maaf kepada Encik Gopal dan **menjelaskan** bahawa dia terpaksa membawa anaknya ke klinik.*
 - *Perkataan ‘**menjelaskan**’ boleh ditukar kepada ‘memberitahukan’, ‘menerangkan’, ‘mengatakan’.*
 - b. *Musa meminta maaf kepada Encik Gopal dan **memberitahu beliau** bahawa dia terpaksa membawa anaknya ke klinik.*
- (iii) “Oh, begitu! Saya maafkan,” kata Encik Gopal
Encik Gopal memahami masalah Musa dan memaafkannya.
- (iv) “ Terima kasih,Encik.”
Musa mengucapkan terima kasih kepada Encik Gopal.

LATIHAN : Tukarkan ayat cakap ajuk di bawah ini kepada ayat cakap pindah.

- i. “ Kak, mengapakah kita sering dipukul oleh emak?” tanya adik.
.....
- ii. “ Hoi, berani kamu mencuri buah rambutan aku!” sergah lelaki tua itu apabila ternampak dua orang remaja mencuri buah rambutan di dusunnya.
.....
- iii. “Rosni, Mary dan Susan, silalah berkunjung ke rumah saya pada hari raya ini,” kata Fuzana
.....
- iv. “ Bagaimanakah awak hendak ke tempat itu?” tanya Puan Lee kepada jirannya.
.....
- v. “ Janganlah ibu bersedih, ayah pasti selamat,” pujuk Sani sambil memeluk ibunya, Jimah.
.....

6. Cerakinkan ayat-ayat di bawah ini.

Baca ayat di bawah ini, kemudian cerakinkan ayat tersebut.

- i. Perbuatan vandalisme ini meninggalkan kesan buruk **kerana** dinding bangunan itu rosak akibat tulisan **dan** contengan grafiti **yang** dilakukan oleh kumpulan gengster.
- Kenal pasti kata hubung dalam ayat (Kalau ada **3 kata hubung (KH)**, maka **ada 4 ayat tunggal**; kalau ada 2 KH, maka ada 3 ayat tunggal)
- Ayat di atas ada 3 KH : **kerana, dan, yang** , maka **ada 4 ayat tunggal**.
 - (i) Perbuatan vandalisme ini meninggalkan kesan buruk.
 - (ii) Dinding bangunan itu rosak akibat tulisan grafiti.
 - (iii) Dinding bangunan itu rosak akibat contengan grafiti
 - (iv)Perbuatan itu dilakukan oleh kumpulan gangster

LATIHAN : Cerakinkan ayat di bawah ini hingga menjadi 3 ayat tunggal. (Kenal pasti KH)

- a. Ibu bapa perlu mengenal pasti atau menyelidik segala aspek latar belakang kawan-kawan anak mereka..
.....
.....
- b. Dia pasti bahawa dia akan memenangi pertandingan yang berprestij itu.
.....
.....
- c. Mereka bukan dermawan justeru sanggup menjadi sukarelawan dalam misi kemanusiaan di kawasan yang dilanda musibah itu..
.....
.....
- d. Budak yang comot itu kami bersihkan dan kami hidangi makanan.
.....
.....
- e. Kami berdoa agar pasukan keselamatan kita terselamat dalam peperangan yang telah meragut nyawa dua orang anggota tentera itu.
.....
.....

Gabungkan ayat-ayat tunggal bagi setiap soalan di bawah ini menjadi satu ayat majmuk.

- (i) Anak-anak mengetahui perkara itu. Ibu bapa sering mengambil berat tentang pergerakan mereka. Mereka akan lebih berhati-hati memilih kawan. (apabila)
.....
- (ii) Hafiz berasa sungguh gembira. Dia telah terpilih untuk menyertai lawatan ke Australia. Lawatan itu ditaja oleh pihak swasta.
.....

(iii) Mary mengambil buku itu. Dia membelek-belek buku itu. Dia tersenyum.

.....
(iv)Dia berkeyakinan . Dia akan memenangi pertandingan pidato. Pertandingan itu diadakan di Dewan Sri Pinang.

.....
(v) Penagih itu dirahsiakan identitinya. Dia telah menceritakan sejarah pembabitannya dalam gejala penagihan dadah. Kini, dia menyesal.

7. Analisis Ayat : Subjek & Predikat.

- i. Abang telah berjaya mendapat keputusan cemerlang.
Subjek : *Abang*
Predikat : *telah berjaya mendapat keputusan cemerlang.*
- ii. Kerana sakit, Mary tidak hadir ke sekolah.
Subjek : *Mary*
Predikat : *tidak hadir ke sekolah kerana sakit.*

LATIHAN : Kenal pasti subjek dan predikat dalam ayat-ayat di bawah ini.

- a. Menangis kegembiraan ibu apabila adik berjaya melanjutkan pelajarannya di Jordan.
- b. Dialah kawan baik saya.
- c. Kendatipun dia miskin, kamu tidak wajar menghina dan memandang rendah padanya.
- d. Hari Sukan Tahunan sekolah kita bila?
- e. Peristiwa pendudukan Jepun di Kampung Pulau Pak Amat akan sentiasa diingati oleh Khalid.

Soalan 3 (c) : KESALAHAN EJAAN DAN IMBUHAN

Ejaan kata majmuk yang mantap (ditulis bercantum)

antarabangsa	beritahu	bumiputera	jawatankuasa	kerjasama
setiausaha	olahraga	matahari	kakitangan	suruhanjaya
sukarela	tanggungjawab	tandatangan	warganegara	pesuruhjaya

Kenal pasti ejaan-ejaan yang betul.**Kenal pasti perkataan berimbuhan yang betul**

Bil	Ejaan		Bil.	Imbuhan	
1.	tanjong	tanjung	1.	mengembirakan	menggembirakan
2.	yunit	unit	2.	merbahaya	berbahaya
3.	Ramadan	Ramadhan	3.	mengetepikan	mengenepikan
4.	anti dadah	antidadah	4.	menghadkan	mengehadkan
5.	definisi	definasi	5.	mengagumkan	mengkagumkan
6.	antijenayah	anti jenayah	6.	memastikan	mempastikan
7.	juruacara	juru acara	7.	mempercepat	mempercepatkan
8.	sekaligus	sekali gus	8.	beterbangan	berterbangan
9.	biadap	biadab	9.	memperoleh	memperolehi
10.	masalah	masaalah	10.	bekerja	berkerja
11.	adigan	adegan	11.	perlantikan	pelantikan
12.	stesen	stesyen	12.	mewujudkan	mengwujudkan
13.	selesema	selsema	13.	menyangkul	mencangkul
14.	batok	batuk	14.	mengulai	menggulai
15.	tiusyen	tuisyen	15.	mengendong	menggendong
16.	injin	enjin	16.	menggonggong	mengonggong
17.	eksklusif	ekklusif	17.	mentumis	menumis
18.	raksaksa	raksasa	18.	berlajar	belajar
19.	kelekatu	kelkatu	19.	berenggang	berengang
20.	war-war	uar-uar	20.	beupaya	berupaya
21.	martabak	murtabak	21.	berlapar	belapar
22.	juwita	juita	22.	berkerjasama	bekerjasama
23.	keriting	kerinting	23.	menyembunyikan	mensembunyikan
24.	gembeleng	gembleng	24.	menggalakkan	menggalakan
25.	hajjah	hajjah	25.	menenteramkan	mententeramkan
26.	dialek	dailek	26.	tepukan	tepukan
27.	kuatiau	kuetiau	27.	pengganti	penganti
28.	maghrib	magrib	28.	menggenggam	menggenggam
29.	masyhur	mahsyur	29.	kebanyakan	kebanyakkan
30.	iystihar	isytihar	30.	mengherdik	menherdik
31.	beregu	bergu	31.	menyeringai	memnyeringai
32.	waswas	was-was	32.	mempersila	mempersilakan
33.	satay	sate	33.	memperlebar	memperlebarkan
34.	akhlak	ahklak	34.	kerosakan	kerosakkan
35.	algebra	algebra	35.	pengswastan	penswastan
36.	ingkar	engkar	36.	meng-e-melkan	menge-melkan
37.	fardhu	fardu	37.	memproses	memeroses
38.	geroda	garuda	38.	Mengkritik	mengkritik
39.	isya	isyak	39.	menkreditkan	mengkreditkan
40.	bumiputera	bumiputra	40.	menterjemahkan	menerjemahkan
41.	catit	catat	41.	mencantikkan	mencantikan
42.	aneh	anih	42.	menservis	menyervis
43.	karenah	kerenah	43.	pergerakkan	pergerakan
44.	kursus	krusus	44.	Persiaran	pesiaran
45.	profesion	profession	45.	petunjukan	pertunjukan

Latihan Kesalahan Ejaan

Betulkan kesalahan ejaan perkataan yang disenaraikan di bawah ini.

BIL	SALAH	BETUL	BIL	SALAH	BETUL
1	auto matif		88	maksima	
2	audien		89	manafaat	
3	agreget		90	mee	
4	arithmetik		91	mekanisma	
5	agen (wakil)		92	mencatit	
6	ampangan		93	mengenengahkan	
7	aked		94	megenepikan	
8	akitek		95	mentera	
9	analisa		96	merbahaya	
10	atlit		97	minima	
11	atnik		98	munshi	
12	anggrik		99	nasionalisma	
13	baucer		100	odit	
14	bistari		101	oditorium	
15	bowling		102	optima	
16	buffet		103	organisme	
17	bumiputra		104	otomatik	
18	burroh		105	otomobil	
19	calun		106	pamir	
20	cocok (tusuk)		107	paspot	
21	cucuk (sesuai)		108	patriotisma	
22	catit		109	pehak	
23	cendiawan		110	pelancung	
24	cop		111	pemerosesan	
25	dasyhat		112	pemilekan	
26	dialog		113	pensil	
27	deligasi		114	perabut	
28	deraf		115	perihatin	
29	durhaka		116	plan	
30	efisyen		117	profession	
31	ekur		118	prosidur	
32	ehsan		119	protin	
33	engzos		120	pekej	
34	ekslusif		121	pesonal	
35	ekspot		122	petroleum	
36	ekspress		123	platfom	
37	emel		124	profail	
38	engkar		125	profesyenal	
39	fadhilat		126	sekala	
40	fax		127	sekelian	
42	faksimili		128	sekim	
43	febuari		129	sessi	
44	geraf		130	setor	

BIL	SALAH	BETUL	BIL	SALAH	BETUL
45	geharu		131	siksa	
46	hurmat		132	silaturrahim	
47	ide		133	snooker	
48	idap		134	stokin	
49	iktizam		135	sunnah	
50	impot		136	sabsidi	
51	inspekter		137	sanwic	
52	insuran		138	selinder	
53	insya Allah		139	skima	
54	istirehat		140	spesis	
55	isya		141	stem	
56	justru		142	talipon	
57	jeket		143	taugeh (sayuran)	
58	kampong		144	trampil	
59	kapitalisma		145	tulin	
60	katun		146	ugama	
61	kefeteria		147	usek	
62	komidi		148	warong	
63	komisyen		149	vokasyenal	
64	kondaktor				
65	konsotium				
66	kontrek				
67	korum				
68	kaptain				
69	karenah				
70	kelender				
71	keredhaan				
72	kianat				
73	ko-kurikulum				
74	kolestrol				
75	komersil				
76	komplek				
77	kontingen				
78	lagenda				
79	lakun				
80	lapuran				
81	lebel				
82	lencungan				
83	leukimia				
84	lojik				
85	losyen				
86	letrik				
87	lojistik				

PRAKTIS 1

Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Betulkan kesalahan-kesalahan tersebut.

BIL	SOALAN	EJAAN	IMBUHAN
1	Penduduk taman itu menceritakan masalah serangan anjing liar yang selalu mengganggu ketenteraman mereka.		
2	Pihak polis sedang berusaha untuk jejak pemandu-pemandu yang belum menjelaskan bayaran saman.		
3	Pergerakan penari-penari itu mempersona penuntun yang hadir pada malam itu.		
4	Kakak menyuruh adik menutup tin biskut itu supaya biskut didalamnya tidak lemau.		
5	Angota bomba itu terpaksa menaiki tangga untuk menyelamatkan mangsa yang diperangkap dalam kebakaran itu.		
6	Pengetua telah meminta guru-guru memberitahu pekara itu kepada pelajar.		
7	Berita tentang banjir di Pantai Timur disiarkan di televisyen dari semasa ke semasa.		
8	Hanis telah capai kejayaan yang cermelang dalam peperiksaan itu.		
9	Kakinya tidak menjejak dasar sungai yang dalam itu walau pun berkali-kali mencubainya.		
10	Suasana di Kuala Lumpur lenggang setiap kali musim perayaan kerana kebanyakan penduduknya pulang ke kampung.		
11	Banyak syarikat kecil dipaksa memberhentikan operasinya kerana kegawatan ekonomi.		
12	Pada masa ini, banyak prodak kecantikan diiklan di dalam majalah dan surat khabar.		
13	Peraduan mengesan pendudukan bola yang dianjurkan oleh akbar itu menawarkan hadiah yang lumayan.		
14	Pemuda itu meragut bag tangan seorang wanita di hentian bas ini semalam.		
15	Golongan pelajar sepatutnya tahu akan tanggung jawab mereka mematuhi peraturan sekolah yang telah ditetapkan.		
16	Kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi telah pengaruhi gaya hidup remaja.		
17	Pulau Pangkor dikenalkan sebagai tempat pelancongan yang mahsyur di Perak.		

BIL	SOALAN	EJAAN	IMBUHAN
18	Pekerja itu amat muskil kerana dibuangkan kerja tanpa alasan yang kukuh.		
19	Adik ashik menonton video sehingga tidak memakan dan minum.		
20	Beberapa naskah suratkhbar sahaja yang dapat dijualnya pada hari itu kerana hujan kelebatan.		

SOALAN 3 (d) : KESALAHAN PENGGUNAAN KATA ATAU ISTILAH DAN KESALAHAN TATABAHASA

PRAKTIS 1

Tandakan (✓) bagi penggunaan istilah yang tepat dan (X) bagi penggunaan istilah yang tidak tepat. Sekiranya salah (X) betulkan istilah tersebut di ruangan yang disediakan.

1	Ibu menyiram air mawar kepada pasangan pengantin baru.	
2	Nenek merenjis pokok-pokok terung yang semakin layu itu.	
3	Kakak menyimbah air ke arah abang yang cuba mengganggunya.	
4	Ibu merendam pakaian-pakaian kotor.	
5	Pak Salleh menggilap lantai yang basah itu.	
6	Bibik mengelap barangan tembaga itu supaya berkilat.	
7	Ayob sedang merebus air.	
8	Kakak menyuruh adik memasak nasi.	
9	Biskut itu telah menjadi empuk kerana tidak disimpan.	
10	Chef Mustafa merebus daging sehingga lemau .	
11	Ikan itu terbit ke permukaan air.	
12	Tiap-tiap pagi Ramlah suka melihat matahari muncul .	
13	Ikan itu timbul ke permukaan air dari semasa ke semasa untuk menyedut udara.	
14	Pak Tongko memilin akar-akar kayu untuk dijadikan tali.	
15	Kakak belajar menenun kain kain sutera daripada nenek.	
16	Ibu menyulam corak bunga-bunga pada baju kebaya adik.	
17	Mak Jah pandai menganyam tikar mengkuang.	
18	Daud merodok tanah dengan menggunakan penyodok.	
19	Pelayan hotel itu menatang dulang berisikan minuman.	
20	Alia sedang menjinjing sebuah cerek besar.	
21	Rashid memangku bakul yang berisi padi.	
22	Mak Timah menjunjung anaknya yang sedang tidur.	
23	Helang menyambar anak ayam peliharaan Hanani.	
24	Perompak itu merenggut beg dari tangannya.	
25	Pihak polis telah merampas semua harta pengedar dadah itu.	
26	Semua tiang pagar kebun datuk menjadi serong kerana dirempuh seekor gajah.	
27	Batang itu mestilah dikerat melintang, tidak dipotong condong .	
28	Ramlah mendengar radio sambil menonton rancangan kartun.	

PRAKTIS 2

*Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlumenyalin ayat itu semula.*

- (i) Peristiwa semasa berkhemah di Taman Negara itu meninggalkan ingatan manis yang sukar dilupakan olehku.
- (ii) Kegiatan pemerdagangan orang telah mendapat prihatin dunia dan menjadi isu antarabangsa di masa ini.
- (iii) Ayah mencantas semak samun di kebunnya pada tiap hujung minggu.
- (iv) "Masyarakat berfikir" adalah asas penting bagi mencorakkan perubahan masyarakat maju pada zaman ke-21.
- (v) Minit mesyuarat itu ada dengan pengetua untuk ditatap oleh beliau sebelum dibentangkan dalam mesyuarat bulanan.
- (vi) Ketua kampung akan membincangkan tentang masalah-masalah yang ditempuhi oleh anak mukimnya pada minggu depan.

Soalan 3 (e) PERIBAHASA

PERIBAHASA DALAM BUKU TEKS

Senarai Peribahasa dalam buku teks Tingkatan 4

1. Bulat air kerana pemetung, bulat manusia kerana muafakat

Maksud : Kata sepakat yang dicapai dalam mesyuarat.

2. Darah daging

Maksud : Anak dan saudara-mara daripada keturunan sendiri.

3. Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing

Maksud : mengalami susah senang bersama-sama.

4. meninggi diri

Maksud : Sombong

5. bermuka dua

Maksud : Tidak jujur.

6. baik hati

Maksud : Bersikap baik dan penyayang (suka menolong).

7. tulang belakang

Maksud : Punca kekuatan/ orang harapan

8. bara yang digenggam biar sampai jadi arang

Maksud : Mengerjakan sesuatu yang sukar hendaklah sabar, sehingga mencapai kejayaan.

9. bagai kaca terhempas ke batu

Maksud : Sangat sedih atau kecewa.

10. melentur buluh biarlah dari rebungnya

Maksud : Mendidik anak biarlah sejak mereka kecil lagi.

11. duduk sama rendah, berdiri sama tinggi

Maksud : dua orang atau pihak yang sama darjat dalam adat

12. seperti lembu dicucuk hidung

Maksud : Orang yang selalu menurut kemahuan orang

13. yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing

Maksud : Bersama-sama menghadapi atau mengerjakan sesuatu.

14. dayung sudah di tangan, perahu sudah di air

Maksud : segala-gala yang dikehendaki sudah diperolehi.

15. terang hati

Maksud : Lekas pandai.

16. rendah hati

Maksud : Tidak sombong

17. murah hati

Maksud : Pemurah.

18. tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas

Maksud : Adat yang tidak berubah; sesuatu yang tetap utuh.

19. Tangan kosong

Maksud : Hampa.

Senarai Peribahasa dalam buku teks Tingkatan 5

1. lintah darat

Maksud : Peniaga yang mengambil keuntungan yang terlalu tinggi.

2. bagai aur dengan tebing

Maksud : Hubungan yang rapat antara sama sama yang lain dan saling membantu.

3. anak dagang

Maksud : Orang luar yang datang menetap di sesuatu tempat

4. Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri

Maksud : Walau bagaimanapun kelebihan di negara orang, tetap negeri sendiri lebih baik lagi.

5. kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai

Maksud : Kalau takut berhadapan dengan penderitaan , lebih baik jangan melakukan sesuatu yang susah

6. indah khabar daripada rupa

Maksud : Perkhabaran tentang sesuatu perkara yang dilebih-lebihkan.

7. hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah

Maksud : Pengagihan yang sama banyak.

8. bukit sama didaki, lurah sama dituruni

Maksud : Perhubungan yang sangat akrab, senang susah bersama.

9. kacang lupakan kulit

Maksud : Orang yang melupakan asalnya atau orang yang pernah menolongnya setelah mendapat kesenangan.

10. Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung

Maksud : Menurut adat atau peraturan di tempat yang kita diami atau tinggal.

11. masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak

Maksud : Menyesuaikan diri dengan tempat dan keadaan

12. ibarat telur sesangkak, pecah sebiji, pecah semua

Maksud : kesilapan yang dilakukan oleh seseorang menyebabkan orang lain yang menerima akibatnya..

13. memerah otak

Maksud : Berfikir dengan bersungguh-sungguh.

14. kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya

Maksud : Tak akan tercapai maksudnya kalau tak mahu berusaha dan bersusah payah

15. berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian

Maksud : Bersusah payah terlebih dahulu untuk mendapatkan kesenangan pada kemudian hari.

16. yang bulat tidak datang menggolek, yang pipih tidak datang melayang

Maksud : Sesuatu benda tidak akan datang tanpa usaha

17. sedikit-sedikit, lama-lama jadi bukit

Maksud : Sabar mengerjakan sesuatu lama-lama berhasil juga.

18. bak cendawan tumbuh selepas hujan

Maksud : Terlalu banyak pada sesuatu masa.

19. bulat air kerana pemetung, bulat manusia kerana muafakat.

Maksud : Kata sepakat yang dicapai dalam mesyuarat.

20. yang kita kejar tak dapat, yang kita kendong pula berciciran

Maksud : Bernasib malang kerana setelah memperoleh sesuatu, tetapi yang sudah di tangan hilang pula.

21. mencari jalan

Maksud : Berikhtiar menyelesaikan sesuatu perkara.

22. biar mati anak, jangan mati adat

Maksud : orang yang kuat perpegang pada adat.

23. sediakan payung sebelum hujan

Maksud : Berjaga-jaga dulu sebelum mendapat sesuatu bencana.

24. berbesar hati

Maksud : Gembira.

25. anak buah

Maksud : a. Anak saudara. b. Pekerja di bawah jagaan kita.

26. tuan rumah

Maksud : tempat berlangsungnya sesuatu acara

27. yang lama dikelek, yang baharu didukung

Maksud : Adat yang lama tetap diamalkan di samping budaya hidup yang baharu.

28. batu penghalang

Maksud : Halangan

29. untung anak lelaki cari-carikan, untung anak perempuan nanti-nantikan

Maksud : orang lelaki yang merisik bakal isterinya.

30. bagai ikan pulang ke lubang

Maksud : a. Orang yang pulang ke tempat asal. b. Kehidupan yang senang.

SOALAN 4 : NOVEL

Panduan Menjawab Soalan Novel :

1. Berdasarkan salah sebuah novel, sama ada novel tingkatan 4 atau novel tingkatan 5.
2. Sekiranya arahan soalan berdasarkan 2 buah novel, jawapan mesti daripada 2 buah novel yang berbeza, 1 huraian jawapan daripada tingkatan 4 dan 1 huraian jawapan daripada novel tingkatan 5.
3. Jawapan yang ditulis mesti dalam ayat yang lengkap;
Jawapan boleh ditulis dalam beberapa perenggan- setiap isi dalam perenggan yang berbeza.
4. Perlu mengemukakan pernyataan isi dahulu sebelum diuraikan dengan lengkap :
Pernyataan Isi :- dinyatakan dalam bentuk umum (kecuali soalan latar masa dan tempat)

Huraian:- mesti ditulis secara terperinci seperti mengemukakan peristiwa secara menyeluruh, menyatakan nama watak, latar tempat, masa dan sebagainya.

5. Pemberian markah;

Soalan 4 (a) : 7 markah

Isi : 4 markah (1 markah pernyataan isi + 1 markah huraian)
Bahasa : 3 markah (secara impression-baik, sederhana dan lemah)

Soalan 4 (b) : 8 markah

Isi : 3 markah (1 markah pernyataan isi + 2 markah huraian)/
(1 markah pernyataan isi + 1 markah huraian)
Bahasa : 2 markah (secara impression- baik , lemah)

6. Kemungkinan jawapan:

- Isi yang dikemukakan tepat tetapi huraian jawapan kurang jelas atau salah
- Isi yang dikemukakan salah tetapi huraian tepat dan jelas
- Jawapan dalam bentuk 'point form' atau ayat yang tidak lengkap
- Jawapan tidak mewakili novel yang betul contoh novel dipilih tingkatan 4 tetapi huraian jawapan daripada novel tingkatan 5.
- Contoh huraian salah : peristiwa yang dikemukakan tidak relevan, nama watak, latar tempat salah.

Contoh soalan dan jawapan:

Contoh 1:

(a) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan tema novel tersebut.

[7 markah]

Jawapan daripada novel Tingkatan 4:

Pernyataan isi:

Tema: Penyamaran yang dilakukan oleh seorang gadis demi menyelamatkan seorang ibu daripada menghadapi tekanan jiwa kerana kehilangan anak kesayangannya dalam kemalangan jalan raya.

Huraian:

Azfa Hanani seorang anak yatim piatu sanggup menerima tawaran untuk menjadi Tengku Murni bagi memastikan Datin Maziah yang baru tersedar daripada koma tidak tertekan jika mendapat tahu bahawa anak kesayangannya telah meninggal dunia.

Jawapan Lengkap:

Tema yang terdapat dalam novel Azfa Hanani ialah penyamaran yang dilakukan oleh seorang gadis demi menyelamatkan seorang ibu daripada menghadapi tekanan jiwa kerana kehilangan anak kesayangannya dalam kemalangan jalan raya. Azfa Hanani seorang anak yatim piatu sanggup menerima tawaran untuk menjadi Tengku Murni bagi memastikan Datin Maziah yang baru tersedar daripada koma tidak tertekan jika mendapat tahu bahawa anak kesayangannya telah meninggal dunia.

Jawapan daripada novel Tingkatan 5:

Pernyataan isi:

Tema : Pengembaraan seorang remaja perempuan dalam mematangkan hidupnya.

Huraian:

Hal ini digambarkan melalui watak Amira. Amira sebagai watak utama menghabiskan cuti persekolahan dengan menyertai ibunya iaitu Profesor Zaidah dalam ekskavasi menjejak kewujudan tamadun manusia. Dalam pengembaraan tersebut, Amira bertemu dengan Malique dan Itai sehingga merungkai konflik keluarga, sejarah tragis keluarga Tau.

Jawapan Lengkap:

Tema yang terdapat dalam novel Kembara Amira ialah pengembaraan seorang remaja perempuan dalam mematangkan hidupnya. Hal ini digambarkan melalui watak Amira. Amira sebagai watak utama menghabiskan cuti persekolahan dengan menyertai ibunya iaitu Profesor Zaidah dalam ekskavasi menjejak kewujudan tamadun manusia. Dalam pengembaraan tersebut, Amira bertemu dengan Malique dan Itai sehingga merungkai konflik keluarga, sejarah tragis keluarga Tau.

Contoh 2:

(b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu** latar masyarakat dalam setiap novel.

[8 markah]

Kehendak soalan:

Jawapan mesti ditulis berdasarkan **dua** buah novel. Untuk setiap novel, kemukakan **satu** latar masyarakat yang terdapat dalam novel tersebut.

Jawapan daripada Novel Azfa Hanani:

Pernyataan Isi :

Masyarakat yang sanggup berkorban demi kebahagiaan keluarga angkat serta kelangsungan masa depannya.

Huraian:

Contohnya, Azfa Hanani sanggup memenuhi tawaran Abang Mazran bagi membantu sepupunya, Zuraini yang lumpuh mendapatkan rawatan.

Jawapan daripada Novel Kembara Amira

Pernyataan Isi:

Masyarakat yang mempertahankan corak kehidupan nenek moyang.

Huraian:

Contohnya, masyarakat Orang Asli daripada suku Semai yang tinggal di Bukit Mat Raya mempertahankan masyarakat mereka daripada dicerobohi oleh pembalok, pencari emas dan pencari gali bahan artifak purba.

Contoh Jawapan Lengkap:

Latar masyarakat yang terdapat dalam novel Azfa Hanani ialah masyarakat yang sanggup berkorban demi kebahagiaan keluarga angkat serta kelangsungan masa depannya. Contohnya, Azfa Hanani sanggup memenuhi tawaran Abang Mazran bagi membantu sepupunya, Zuraini yang lumpuh mendapatkan rawatan.

Manakala latar masyarakat yang terdapat dalam novel Kembara Amira ialah masyarakat yang mempertahankan corak kehidupan nenek moyang. Contohnya, masyarakat Orang Asli daripada suku Semai yang tinggal di Bukit Mat Raya mempertahankan masyarakat mereka daripada dicerobohi oleh pembalok, pencari emas dan pencari gali bahan artifak purba.

PRAKTIS 1

- (a) Jelaskan peleraian cerita daripada sebuah novel yang anda pelajari.
[7 markah]
- (b) Huraikan **satu** pengajaran bagi **kedua-dua** buah novel yang anda pelajari.
[8 markah]

PRAKTIS 2

- (a) Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, huraikan nilai keberanian yang terdapat dalam novel tersebut.
[7 markah]
- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari huraikan **satu** persamaan teknik plot yang terdapat dalam kedua-dua novel tersebut.
[8 markah]

SELAMAT MAJU JAYA

Yang kurik itu kundi,
Yang merah itu saga;
Yang baik itu budi,
Yang indah itu bahasa.